

KLIMOF 2002 sedia pasaran baru kepada pengumpul wang lama

UM 1 NOV 2002

KUALA LUMPUR 31 Okt. — Kuala Lumpur Money Fair 2002 (KLIMOF 2002) yang dianjurkan bersempena Kuala Lumpur Investment Fair 2002 (KLIF 2002) menyediakan pasaran baru kepada syarikat-syarikat dan pengumpul wang lama dari pelbagai negara.

Seorang Agen Syiling dan Pingat dari United Kingdom Peter Morris berkata, pasaran bagi wang lama di Malaysia berpotensi untuk berkembang kerana ramai yang berminat untuk memiliki mata wang lama berdasarkan kepada pengalamannya yang pernah berurusan dengan salah seorang penjual barangan antik di negara ini sejak 15 tahun lalu.

"Banyak tempahan dan pesanan yang diterima dari Malaysia bagi mendapatkan pelbagai jenis mata wang lama ataupun pingat," katanya ketika ditemui sempena lawatan media ke tapak pameran di sini hari ini.

Pameran itu akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bermula 1 November hingga 3 November dan akan menampilkan 150 pengeluar, pembekal, kelab, pengumpul serta koleksi wang lama dan baru dari pelbagai negara.

Morris menambah, koleksi mata wang dan pingat juga merupakan salah satu

kaedah pelaburan yang boleh mendatangkan keuntungan yang lumayan malah mungkin lebih tinggi berbanding apa yang diperoleh daripada simpanan tetap di bank.

Jelasnya, mata wang lama dan pingat pengiktirafan mempunyai nilai yang tinggi dan peminatnya yang tersendiri sama ada di seluruh dunia ataupun Malaysia termasuk.

Malah katanya, terdapat sesetengah pengumpul sanggup membelanjakan sejumlah wang yang banyak semata-mata bagi mendapatkan wang lama atau antik yang berusia sehingga ratusan tahun.

Sementara itu ujarinya, pengumpul mata wang lama tempatan juga boleh berkunjung ke pameran itu dan membawa mata wang ataupun pingat yang dikumpul untuk dinilai harganya secara percuma.

Beberapa syarikat lain yang akan menyertai pameran kali ini ialah China Great Wall Coins Investment Ltd, Singapore Mint, Brunei Currency Board, Thai Mint, Dolphins Cins and Medal Ltd, Austrian Mint, British Royal Mint, Cape Discovery, Mike Dunigan Company dan Eastern Stamps, Coins dan Antiques.

Pameran KLIMOF 2002 dan KLIF 20-

02 itu merupakan anjuran bersama The Royal Mint of Malaysia dan Federation of Malaysian Unit Trust Managers.

Sempena pameran itu, beberapa siri lelongan pelbagai koleksi mata wang termasuk koleksi mata wang seluruh dunia milik Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan diadakan.

Menurut Pengarah syarikat pengendali pameran, Protamp Exhibitions Sdn. Bhd. (Protamp) Denise Ang, duit hasil jualan koleksi tersebut akan disumbangkan kepada dana negara.

Beliau berkata, pengunjung boleh mendapatkan maklumat lengkap tentang barangan yang akan dilelong daripada katalog yang boleh dibeli di kaunter pendaftaran.

Selain itu, pengunjung juga berpeluang untuk menyertai seminar saham amanah yang di adakan serentak dengan KLIMOF 2002.

Seminar dan Pameran KLIF 2002 itu pula bertujuan untuk memberi kesedaran kepada penduduk negara ini tentang peluang dan kebaikan.

Pengunjung juga akan berpeluang untuk mengetahui dengan mendalam ciri-ciri yang diperlukan dalam menentukan saham yang baik.